



28 Mac 2013
28 March 2013
P.U. (A) 106

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECCUALIAN KEPADA PETROLIAM NASIONAL BERHAD) 2013

FACTORIES AND MACHINERY (EXEMPTION TO PETROLIAM NASIONAL BERHAD) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN KEPADA PETROLIAM NASIONAL BERHAD) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian kepada Petroliam Nasional Berhad) 2013**.

Pengecualian

2. Semua jentera luar pesisir yang dimiliki oleh Petroliam Nasional Berhad, yang disebut dalam seksyen 3 Akta Kemajuan Petroleum 1974 [*Akta 144*], dikecualikan daripada pemakaian seksyen 19 dan 36 Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], dan Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*].

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:
 - (a) Petroliam Nasional Berhad hendaklah melibatkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam perancangan kerja tahunannya mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
 - (b) Petroliam Nasional Berhad hendaklah mengemukakan perancangan kerja tahunannya termasuk penetapan petunjuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada setiap tahun bagi maksud pemantauan;

- (c) PetroliaM Nasional Berhad hendaklah melibatkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam tiap-tiap aktiviti penentusahan di peringkat pengurusan tertinggi bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- (d) Satu Jawatankuasa Kerja Bersama yang anggotanya adalah daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan PetroliaM Nasional Berhad hendaklah ditubuhkan bagi maksud komunikasi, perbincangan dan membuat keputusan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, dan penyenggaraan dan pemeriksaan jentera luar pesisir;
- (e) PetroliaM Nasional Berhad hendaklah memberi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan hak untuk menentukan dan mengesahkan pemeriksa yang layak untuk memeriksa integriti jentera;
- (f) PetroliaM Nasional Berhad hendaklah membenarkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk menjalankan audit atau pemeriksaan ke atas mana-mana premis pada bila-bila masa demi kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- (g) PetroliaM Nasional Berhad hendaklah melibatkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam tiap-tiap perancangan dan pelaksanaan aktiviti penutupan dan pembaikpulihan jentera luar pesisir; dan
- (h) PetroliaM Nasional Berhad hendaklah bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi apa-apa maksud berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan luar pesisir.

Dibuat 20 Mac 2013

[KSM/PUU/T/01/02/03 Jld. 21; PN(PU2)235/XXXVI]

DATUK SERI DR. SUBRAMANIAM A/L K. V. SATHASIVAM
Menteri Sumber Manusia

FACTORIES AND MACHINERY ACT 1967

FACTORIES AND MACHINERY (EXEMPTION TO PETROLIAM NASIONAL BERHAD) ORDER
2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 55(3) of the Factories and Machinery Act 1967 [*Act 139*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Factories and Machinery (Exemption to Petroliam Nasional Berhad) Order 2013**.

Exemption

2. All offshore machinery owned by Petroliam Nasional Berhad, referred to in section 3 of the Petroleum Development Act 1974 [*Act 144*], are exempted from the application of sections 19 and 36 of the Factories and Machinery Act 1967 [*Act 139*], and the Factories and Machinery (Notification, Certificate of Fitness and Inspection) Regulations 1970 [*P.U. (A) 43/1970*].

Condition of exemption

3. The exemption under paragraph 2 is subject to the following conditions:
 - (a) Petroliam Nasional Berhad shall involve the Department of Occupational Safety and Health in its annual work plan relating to occupational safety and health matters;
 - (b) Petroliam Nasional Berhad shall submit its annual work plan including the determination of occupational safety and health indicator to the Department of Occupational Safety and Health in each year for the purpose of monitoring;
 - (c) Petroliam Nasional Berhad shall involve the Department of Occupational Safety and Health in every verification activity at the highest level of

management for the implementation of the Occupational Safety and Health Management System;

- (d) One Joint Committee which members are from the Department of Occupational Safety and Health and Petroliam Nasional Berhad shall be established for the purpose of communication, discussion and decision making on any matters relating to occupational safety and health, and maintenance and examination of the offshore machinery;
- (e) Petroliam Nasional Berhad shall give the Department of Occupational Safety and Health the right to determine and certify the eligible inspector to examine the integrity of the machinery;
- (f) Petroliam Nasional Berhad shall allow the Department of Occupational Safety and Health to conduct an audit or examination on any premises at any time in the interest of occupational safety and health;
- (g) Petroliam Nasional Berhad shall involve the Department of Occupational Safety and Health in every plan and execution of shut down and reconditioning activities of the offshore machinery; and
- (h) Petroliam Nasional Berhad shall cooperate with the Department of Occupational Safety and Health for any purpose in relation to offshore occupational safety and health.

Made 20 March 2013

[KSM/PUU/T/01/02/03]ld. 21; PN(PU2)235/XXXVI]

DATUK SERI DR. SUBRAMANIAM A/L K. V. SATHASIVAM
Minister of Human Resources